


MPJBT salur bantuan Deepavali RM13,100

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my



JOHOR BAHRU: Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) memperuntukkan RM13,100 menerusi Yayasan Penyayang MPJBT bagi membantu golongan kurang berkemampuan dalam persiapan menyambut Deepavali.

Pengerusi Yayasan Penyayang MPJBT, Mohammad Khairi A Malik, berkata seramai 131 penerima masyarakat India termasuk ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU) menerima mendapat bantuan RM100 seorang.

Katanya, program bantuan itu adalah inisiatif berterusan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam membantu golongan sasaran dari aspek kebajikan.

"Pelbagai program dilaksanakan Yayasan Penyayang MPJBT dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan, selain membantu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat di bawah pentadbiran MPJBT.

"Kami harap menerusi penganjuran program kemasyarakatan ini, ia akan memberi kesan positif kepada masyarakat, selain kami juga mengalu-alukan cadangan masyarakat setempat bagi menambah baik program yang dilaksanakan," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bantuan Deepavali di MPJBT di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Penyayang MPJBT, Tan Cher Puk.

Sementara itu, penerima OKU, V Kamala, 54, berterima kasih di atas bantuan yang diterima yang sekali gus memberi lebih makna sambutan Deepavali tahun ini.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai pembantu am di Jabatan Landskap MPJBT selama 29 tahun itu, berkata sumbangan berkenaan mengurangkan bebannya untuk mendapatkan rawatan di hospital berhampiran.

Kamala yang menghidap penyakit kencing manis lebih 10 tahun itu, bergantung sepenuhnya dengan kaki palsu bagi membolehkan kaki kanannya berjalan dan membuat kerja harian.